

D429

R B345 AAB MEX  
MAHATHIR - LAWAT (ANALISIS BERITA)  
OLEH ABDUL HALIM TAIB

KOTA BAHARU, 22 JULAI (BERNAMA) -- TIGA LAWATAN DALAM MASA DUA MINGGU BERTURUT-TURUT OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KE KELANTAN BARU-BARU INI MERUPAKAN SATU-SATUNYA BUKTI BETAPA SERIUSNYA KERJAAAN PUSAT MAHU MEMBANGUNKAN NEGERI CIK SITI WAN KEMBANG INI.

PARA PEMERHATI POLITIK BERKATA LAWATAN PERDANA MENTERI ITU TELAH MENINGGALKAN KESAN DI KALANGAN RAKYAT KELANTAN BAHAWA BELIAU ADALAH SEORANG YANG SENANG DIDAMPINGI DAN MEMAHAMI TENTANG KEPERLUAN NEGERI ITU.

INI, KATA MEREKA, MENUNJUKKAN BAHAWA LAWATAN-LAWATAN ITU BUKAN BERTUJUAN UNTUK MEMANCING UNDI UNTUK PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, TETAPI HAKIKATNYA IALAH PERDANA MENTERI BENAR-BENAR MAHU MENEMUI RAKYAT SECARA PERIBADI DI SAMPING MENDALAMI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH BERKATA, +KITA MELAWAT SELURUH NEGARA, TIDAK MENGIRA TEMPAT. LAGI PUN KITA TIDAK MENGANGGAP ADA SESETENGAH KAWASAN ADALAH KUBU PEMBANGKANG.+

YANG PALING MENARIK, KATA PEMERHATI DI SINI, IALAH TENTANG KENYATAAN BELIAU BAHAWA TIDAK ADA MASALAH MENGENAI HUBUNGAN KERAJAAN PUSAT DENGAN ISTANA KERANA IA SEKALIGUS MELENYAPKAN SPEKULASI DAN DESAS-DEBUS NEGATIF YANG TERSEBAR LUAS DI NEGERI INI SELAMA INI. -- LAGI

1057MST 22 07 90

D430

R B346 AAB MEX  
MAHATHIR - LAWAT 2 KOTA BAHARU

KENYATAAN ITU TENTU SEKALI AKAN MELETAKKAN PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG INGIN MELIHAT KEADAAN ITU SEBENARNYA BERLAKU DALAM KEADAAN SERBA SALAH TETAPI KEPADA RAKYAT NEGERI INI YANG BENAR-BENAR INGINKAN KEMAJUAN DAN KEDAMAIAN PULA, MEREKA MELIHAT IA SEBAGAI PETANDA BAIK UNTUK MASA DEPAN KELANTAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, +SAYA TIDAK NAMPAK APA-APA PENGARUH DARI ISTANA. YANG SAYA NAMPAK IALAH SATU ORANG SAHAJA YANG PANDAI MEMPERALATKAN SEMUA PIHAK UNTUK KEPENTINGAN DIRINYA.+

MENURUT PARA PEMERHATI POLITIK, KESAN DARIPADA LAWATAN ITU MEMANG BANYAK MENDATANGKAN MANFAAT KEPADA UMNO, KERAJAAN BN DAN RAKYAT SELURUHNYA.

DALAM LAWATANNYA PADA BULAN JUN LEPAS, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO, TELAH MENDENGAR TAKLIMAT TERPERINCI MENGENAI PERKEMBANGAN TERBARU PARTI ITU DI NEGERI INI, DI SAMPING MELAWAT KAWASAN-KAWASAN PEDALAMAN DAN MENEMUI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN UNTUK MEMAHAMI DENGAN LEBIH DEKAT TENTANG MASALAH RAKYAT TERUTAMA TENTANG KEMISKINAN.

PARA PEMERHATI ITU JUGA BERPENDAPAT BAHAWA PADA SETIAP TEMPAT YANG DILAWATINYA KETIKA ITU, BELIAU MENEKANKAN TENTANG HASRAT KERAJAAN PUSAT UNTUK TERUS MEMBELA NASIB RAKYAT DI NEGERI INI YANG AGAK KETINGGALAN DARIPADA SEGI PEMBANGUNAN. -- LAGI

1100MST 22 07 90

D432

R B347 AAB MEX  
MAHATHIR - LAWAT 3 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI TELAH MEMBERIKAN PERHATIAN KEPADA KAWASAN PASIR MAS YANG MASIH AGAK MUNDUR DAN DIKATAKAN PULA MEMPUNYAI SEDIKIT SEBANYAK MASALAH PERPECAHAN DI KALANGAN RAKYAT TERUTAMA DI KAWASAN LUAR BANDAR TERMASUK SESAMA ANGGOTA UMNO.

ORANG RAMAI TERMASUK PERDANA MENTERI SENDIRI, AGAK TERPERANJAT DENGAN SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN DAN +DI LUAR DUGAAN+ YANG DIBERIKAN OLEH RAKYAT, KHUSUSNYA JIKA DIHUBUNGKAITKAN DENGAN PELBAGAI SPEKULASI NEGATIF MENGENAI SOKONGAN RAKYAT KEPADA KERAJAAN YANG TERSEBAR SEBELUMNYA.

MALAHAN SELEPAS BELIAU MENYERTAI RAKYAT BERGOTONG ROYONG MEMBUAT JAMBATAN DI KAMPUNG PECAH PALAS DALAM KAWASAN PARLIMEN PASIR MAS, KIRA-KIRA 200 BEKAS ANGGOTA PAS DAN SEMANGAT 46 MENYERAHKAN BORANG UNTUK MENYERTAINYA UMNO.

INI DIIKUTI PULA DENGAN PENYERTAAN 1,000 ANGGOTA BEKAS PEMIMPIN DAN ANGGOTA PAS SERTA HAMIM DI KAMPUNG MERANTI YANG JUGA DALAM KAWASAN PASIR MAS PADA WAKTU TENGAH HARINYA. BORANG-BORANG TERSEBUT DISERAHKAN OLEH BEKAS PENGHULU KAMPUNG BERKENAAN ENCIK YUSOF AWANG, 48.

DALAM UCAPANNYA PADA MAJLIS PENYERAHAN BORANG-BORANG KEANGGOTAAN UMNO ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MAJLIS ITU MEMBUKTIKAN KERAJAAN TERUS MENDAPAT SOKONGAN RAKYAT KHASNYA MEREKA YANG SEBELUM INI MENENTANG UMNO. -- LAGI  
1102MST 22 07 90

D433

R B348 AAB MEX  
MAHATHIR-LAWAT 4 KOTA BAHARU

BELIAU BERKATA SEJAK AKHIR-AKHIR INI LEBIH RAMAI RAKYAT MENYOKONG BN KERANA MEREKA SUDAH SEDAR BAHAWA PAS TELAH MENYELEWENG DARIPADA PERJUANGAN ASALNYA DAN MEREKA DITIPU OLEH PARA PEMIMPINNYA YANG BEKERJASAMA DENGAN DAP

ENCIK YUSOF, YANG JUGA BEKAS ANGGOTA JAWATANKUASA PAS KAWASAN MERANTI, PULA BERKATA BELIAU MEMILIH UMNO SELEPAS BERJUANG DALAM PAS LEBIH 30 TAHUN, KERANA SEMUA CITA-CITA DAN RANCANGANNYA UNTUK MENEGAKKAN SYIAR ISLAM SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN DI BAWAH PIMPINAN PERDANA MENTERI SEKARANG.

PERDANA MENTERI DALAM SEMUA ACARA PERASMIAN HARI ITU, SERING MEMINTA RAKYAT SUPAYA TERUS BERSATU PADU WALAUPUN MEREKA MEMPUNYAI FAHAMAN POLITIK YANG BERBEZA DAN MEREKA TIDAK SEHARUS MENJADIKAN INI SEBAGAI GARIS PEMISAH YANG BOLEH MENGHANCURKAN PERPADUAN SEHINGGA MENJEJASKAN URUSAN KEHIDUPAN HARIAN MEREKA.

+SOAL PERBEZAAN POLITIK SEHARUSNYA DIHADKAN KETIKA PILIHAN RAYA SAHAJA,+ KATANYA.

DARIPADA LAWATAN-LAWATAN DATUK SERI DR MAHATHIR ITU, JELAS TERBUKTI BAHAWA SAMBUTAN DAN SOKONGAN RAKYAT KELANTAN KEPADA BELIAU BUKAN HANYA DENGAN KATA-KATA, TETAPI DIPERKUKUHKAN LAGI DENGAN KEHADIRAN MEREKA SECARA BERAMAI DALAM DUA PERHIMPUNAN.

SEBAIK-BAIK KESIMPULAN KEPADA KESAN LAWATAN ITU DISUARAKAN OLEH SEORANG YANG SUDAH LANJUT USIA YANG DITEMUI PADA SALAH SATU PERHIMPUNAN ITU : +DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMBAWA HARAPAN BARU KE KELANTAN DAN KEIKHLASANYA SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA UNTUK MELIHAT SEMUA RAKYAT MENIKMATI KEMAJUAN TIDAK BOLEH DISANGSIKAN.+ --  
BERNAMA

1105MST 22 07 90